

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 71-78

## **Penghujahan Imam Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari Terhadap Qiraat Dalam Tafsirnya: Analisis Ayat-Ayat Hukum**

### *Argument of Imam Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari Against Qiraat in his Tafsir: Analysis Of Legal Verses*

**Mohd Mahfuz Bin Jaafar<sup>1</sup>, Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan<sup>2</sup>, Muhammad Izzat Bin Ngah<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor Malaysia.

\* Corresponding Author: Mohd Mahfuz Bin Jaafar, Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, mohdmahfuz@uis.edu.my, 017 3899667

Artikel dihantar: 11 November 2024

Artikel diterima: 13 Disember 2024

Artikel diterbitkan: 31 Disember 2024

### **ABSTRACT**

*Every mufassir employs a distinct methodology in interpreting and elucidating the content of their tafsir, particularly when addressing the various forms of Quranic recitations. Some scholars briefly mention these variations, while others provide extensive and detailed explanations. This study seeks to explore how Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari approaches the analysis of qiraat variations in his renowned work, Tafsir al-Tabari, focusing specifically on verses related to Islamic law (ayat al-ahkam). By using a library research methodology, relevant data will be collected and analyzed. The results of the study show that Imam al-Tabari is very careful about the aspect of differences in qiraat against meaning in explaining and expounding his tafsir. Each word that has various variations of qiraat will first be explained the differences in qiraat among the qurra' and then he will explain each different variation of qiraat against the aspect of interpretation.*

### **Keywords:**

*Qiraat Analysis, Tafsir al-Tabari, Recitation Variations, Legal Verses, Exegetical Methodology.*

### **ABSTRAK**

Setiap mufassir mempunyai metodologi atau pendekatan tersendiri dalam menjelaskan penafsiran dan isi kandungan kitab tafsirnya, termasuk dalam menghuraikan variasi bacaan dalam ayat-ayat al-Quran. Ada yang sekadar menyebut variasi ini secara ringkas, manakala ada juga yang menghuraikannya secara mendalam dan terperinci. Kajian ini



bertujuan untuk meneliti kaedah penghuraian Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari mengenai wajah-wajah qiraat dalam kitab tafsirnya, *Tafsir al-Tabari*, dengan memberi tumpuan kepada ayat-ayat hukum sebagai bahan kajian. Untuk mencapai objektif ini, data akan dikumpul dan dianalisis melalui metode kajian perpustakaan. Hasil kajian menunjukkan Imam al-Tabari begitu teliti aspek perbezaan qiraat terhadap makna dalam menghurai dan mensyarah tafsirnya. Setiap kalimah yang mempunyai pelbagai variasi qiraat akan dijelaskan terlebih dahulu perbezaan qiraat dalam kalangan qurra' dan seterusnya beliau akan menghuraikan setiap variasi qiraat yang berbeza terhadap aspek pentafsiran.

### **Kata kunci**

*Analisis Qiraat; al-Tabari; Qiraat dan Tafsir; ayat hukum*

**How to Cite:** Jaafar, M. M., Hasan, M. S. S., & Ngah, M. I. (2024). Ketelitian Imam Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari Pada Wajah Qiraat Dalam Kitab Tafsirnya: Analisis Ayat-Ayat Hukum : Argument of Imam Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari Against Qiraat in his Tafsir: Analysis Of Legal Verses. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 71–78.

DOI: <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/88>

## **1.0 PENDAHULUAN**

Ilmu qiraat merupakan bidang yang penting dalam kalangan para mufassir, kerana salah satu syarat untuk menjadi seorang pentafsir adalah menguasai ilmu ini (Izuli Dzulkifli dan Adibah Bahori, 2016). Namun, pendekatan dalam mengolah dan memperincikan ilmu qiraat berbeza antara seorang pentafsir dengan yang lain dalam karya tafsir mereka. Ada yang mengupasnya secara mendalam, terutamanya apabila variasi bacaan (*wujud al-qiraat*) tersebut memberi kesan kepada tafsiran ayat al-Quran. Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari melalui karya *Tafsir al-Tabari* misalnya. Al-Dhahabi (2005) menjelaskan bahawa Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari selain menggunakan ayat al-Quran dan hadis sebagai sumber pentafsiran al-Quran yang utama, beliau turut menggunakan qiraat untuk mentafsirkan al-Quran sehingga dikatakan beliau adalah antara ulama yang mahir dalam bidang qiraat. Jestru kajian ini dilaksanakan bagi meneliti metode Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari dalam menghuraikan wajah-wajah qiraat khusus berkaitan dengan ayat hukum.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Meneroka metode Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari dalam menghuraikan variasi qiraat pada ayat hukum.

## **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode pengumpulan data perpustakaan. Data dikumpul daripada pelbagai sumber seperti jurnal, artikel, dan buku-buku ilmiah, serta laman sesawang yang berautoriti.



#### 4.0 TINJAUAN LITERATUR.

Artikel jurnal bertajuk "*Ketokohan Al-Tabari dalam Ilmu Qiraat dan Pandangan Beliau Terhadap Al-Ahruf Al-Sab'ah*" (Nor Hafizi Yusof, 2015) membincangkan kepakaran Imam al-Tabari khusus dalam ilmu qiraat. Penulisan ini menyetujui kehebatan Imam al-Tabari sebagai seorang ilmuwan yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, termasuk ilmu qiraat. Selain itu, artikel ini menyenaraikan karya-karya beliau yang berkaitan dengan ilmu qiraat, namun fokus utama penulisan adalah kepada pandangan Imam al-Tabari mengenai ilmu qiraat dan pemahamannya tentang makna *Ahruf Sab'ah*.

Sementara itu, kajian bertajuk "*Kajian Komparatif dalam Surah Yusuf Menurut Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir*" (Shamsiah Daud, 2023) menyoroti latar belakang Imam al-Tabari serta sumbangan beliau dalam bidang tafsir. Kajian ini turut membandingkan pendekatan *Tafsir al-Tabari* dengan *Tafsir Ibn Kathir*, dengan memberi tumpuan khusus pada riwayat-riwayat *Israiliyyat* yang terdapat dalam kedua-dua tafsir.

#### 5.0 LATARBELAKANG IMAM AL-TABARI

Nama penuh Imam al-Tabari ialah Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir ibn Yazid ibn Khalid al-Tabari. Beliau dilahirkan pada tahun 224H di Amul, ibu kota Tabaristan, semasa era pemerintahan Khalifah Abbasiyah, dan beliau dilahirkan ketika awal pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil. Imam al-Tabari meninggal dunia pada tahun 310H semasa pemerintahan Khalifah al-Muqtadir Billah (Muhammad Al-Zuhaili, 1990).

Imam al-Tabari adalah seorang ulama yang tersohor pada zamannya, bukan sahaja sebagai ahli hadith dan mufassir, tetapi juga seorang sejarawan dan pemikir yang memberikan sumbangan besar kepada pelbagai disiplin ilmu. Sejak kecil, beliau memperlihatkan kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan mengabdikan seluruh hidupnya untuk menuntut dan menyebarkannya, sehingga beliau tidak sempat mendirikan rumah tangga. Al-Tabari mula menghafaz al-Quran pada usia tujuh tahun dan menguasai ilmu hadith pada usia sembilan tahun. Pada usia 12 tahun, beliau memulakan pengembaraan menuntut ilmu dan menjelang umur 20 tahun, beliau sudah menguasai pelbagai bidang seperti fiqh, syair, nahu, tafsir al-Quran, dan bahasa. Malah, bapanya, Jarir, sangat mendukung minat al-Tabari dalam ilmu pengetahuan kerana sejak awal beliau menyedari kepintaran luar biasa anaknya (Abd Al-Mun'im Al-Namru, 1985).

*Tafsir al-Tabari* adalah salah satu karya agung dalam dunia tafsir dan dikategorikan sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*, iaitu tafsir yang menggunakan al-Quran sebagai sumber rujukan utama dan didukung oleh hadith yang sahih daripada Rasulullah SAW, serta pandangan para sahabat, tabi'in, dan tabi' tabi'in untuk menjelaskan maksud ayat-ayat al-Quran (Manna' Al-Qattan, 2000; Al-Dhahabi Muhammad Husayn, t.t). Walaupun bergantung kepada riwayat yang sahih, al-Tabari turut menggunakan pandangannya sendiri dalam menafsirkan ayat-ayat tertentu apabila beliau menganggapnya sebagai keputusan yang terbaik antara riwayat yang ada.

Menurut al-Suyuti, *Tafsir al-Tabari* memenuhi segala aspek yang diperlukan dalam pentafsiran, termasuk rujukan kepada riwayat terdahulu, penetapan hukum (istinbat), serta keperluan bahasa seperti *i'rab*, nukat, dan balaghah (Al-Suyuti, t.t). Tafsir ini bukan sahaja menjadi rujukan utama dalam ilmu tafsir tetapi juga memperlihatkan ketelitian al-Tabari dalam menelusuri pelbagai dimensi dalam memahami dan menghuraikan al-Quran.



**6.0 ANALISIS METODE IMAM ABU JA'FAR MUHAMMAD BIN JARIR AL-TABARI DALAM MENGHURAIKAN VARIASI QIRAAT PADA AYAT HUKUM**

Dalam kertas kerja ini, penulis telah memilih beberapa ayat hukum dalam al-Quran sebagai fokus kajian untuk menjelaskan metode Imam al-Tabari dalam menguraikan variasi qiraat yang terdapat pada ayat hukum.

1- Firman Allah Surah al-Baqarah ayat 222, berkaitan hukum mendatangi wanita dalam haid. Ayat ini mengandungi penjelasan mengenai hukum bersama isteri yang telah selesai haid namun masih dalam keadaan berhadas besar. Ayat ini menegaskan perintah dan panduan Allah SWT mengenai isu tersebut. Firman Allah SWT:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Imam	Wajah Qiraat	Kalimah
Kisa'i, Khalaf al-'Asyir dan Syu'bah	Tasydid dan Fathah pada huruf ط dan ه	يَطْهُرْنَ
Selainnya	Sukun pada huruf ط dhamah pada ه	يَطْهُرْنَ

Imam al-Tabari dalam kitab tafsirnya menyatakan perkataan يَطْهُرْنَ terdapat dua variasi qiraat dengan menyatakan:

Wajah pertama: Qiraat `Asim, Nafi, Ibn Kathir, Ibn `Amir dan Abu `Amr membaca dengan *takhfif* (ط) serta *dhammah* pada ha'. Imam al-Tabari menyatakan makna pada kalimah berkenaan dengan berdasarkan wajah qiraat ini, iaitu "jangan kamu dekati mereka ketika haid sehingga terputusnya darah haid". Imam al-Tabari menukulkan kata Mujahid iaitu: terputus darah.

Wajah kedua: Qiraat Hamzah dan Kisa'i membaca dengan *tasydid* pada ط dan ه. Beliau menyatakan "jangan hampiri mereka sehingga mereka mandi".

2- Firman Allah Surah al-Maidah, ayat keenam berkaitan hukum menyapu atau membasuh kaki.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuh muka dan tangan kamu hingga ke siku dan sapulah kepala kamu (basuhlah) dan kaki kamu hingga kedua buku lali..."



Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', Ibnu 'Amir, al-Kisa'i, Ya'qub dan Hafsh	Bacaan baris atas pada huruf lam	وَأَرْجُلِكُمْ
Selainnya	Baris bawah pada lam	وَأَرْجُلِكُمْ

Imam al-Tabari menyatakan pada perkataan وَأَرْجُلِكُمْ terdapat dua qiraat iaitu:

Pertama: bacaan imam `Asim, Nafi`, Ibn `Amir dan Kisa'i membaca fathah pada lam kerana ma`tuf pada perkataan وَأَيْدِيكُمْ. Imam al-Tabari menyatakan hukum ke atas kedua anggota ini di dalam wudu' dengan al-ghasl iaitu membasuh. Perkataan وَأَرْجُلِكُمْ diletak pada hujung ayat namun maknanya diawalkan, maka wajib dibasuh padanya bukan disapu.

Kedua: bacaan Imam Hamzah, Ibn Kathir dan Abu `Amr dengan baris bawah pada lam kerana ma`tuf ke atas perkataan وَأَرْجُلِكُمْ. Dan hukum ke atas kedua anggota ini (kepala dan kaki) di dalam wuduk adalah dengan al-mash (al-mash) iaitu disapu.

3- Firman Allah Surah al-Nisa' ayat 43, berkaitan hukum sentuhan lelaki dengan perempuan dalam pembatalan wudu'.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا وَإِن مِّنْكُمْ مَّنِ الْعَاثِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ فَأَمْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sadar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan Junub (berhadas besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwuduk), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu), yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.”.

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Hamzah, al-Kisa'i dan Khalaf al-'Asyir	Membaca tanpa alif	لَمَسْتُمْ
Selainnya	Dengan alif	لَامَسْتُمْ



Imam al-Tabari menyatakan *qurra'* dari *Madinah*, sebahagian dari *Basrah* dan *Kufah* membaca dengan *alif* dengan memberi makna (kamu menyentuh isteri kamu atau isteri menyentuh kamu). Dan *qurra'* dari *Kufah* membaca dengan tanpa *alif* yang memberi makna (kamu wahai lelaki menyentuh isteri kamu). Dan menyatakan kedua-dua qiraat ini memberi makna yang hampir sama.

## 7.0 KESIMPULAN

Hasil kajian telah menjelaskan bahawa Imam al-Tabari melalui karyanya *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān* menggunakan qiraat dalam menghurai tafsiran al-Quran. Penulis mendapati setiap kalimah yang mempunyai pelbagai variasi qiraat akan dijelaskan terlebih dahulu perbezaan qiraat dalam kalangan *qurra'* dan seterusnya akan dihurai setiap variasi qiraat yang berbeza terhadap aspek pentafsiran.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Nur Hafizi Yusof (2015), Mujahid Ahmad Lutfi et. al (2021) dan Umi Nuriyatur Rohmah (2022) yang menunjukkan bahawa Imam al-Tabari memberikan perhatian khusus terhadap ayat al-Quran yang mempunyai variasi qiraat yang pelbagai dalam menghuraikan suatu pentafsiran ayat.

Oleh itu, implikasi kajian ini menjelaskan bahawa ilmu qiraat sangat berperanan dalam meningkatkan kefahaman al-Quran dalam kalangan pembacanya. Kesenian lafaz-lafaz al-Quran tidak akan difahami dengan mendalam melainkan menguasai ilmu ini. Diharapkan penulisan ringkas ini mampu memberikan gambaran kepada para pengkaji lain bagi meneruskan kajian implikasi perbezaan qiraat terhadap aspek pentafsiran berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

## CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

## ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang memberi kerjasama dalam penulisan kajian ini.

## RUJUKAN

- A. Muhammad Umayr, 2015, *Mustalah al-Ihtijaj Li al-Qiraat al-Quraniyyah Wa Tawjihaha*, al-Markaz al-Jami'i al-Ni'amah.
- Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir al-Tabari, 1997, *Tafsir al-Tabari*, Dar al-Qalam Damsyiq.
- Hussain Unang, *Kamus al-Tullab*. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.
- Izuli Dzulkifli dan Adibah Bahori, 2016. Peranan Qiraat dalam Pentafsiran al-Quran. *Jurnal Hadhari* 8 (1) (2016) 103-111
- Mujahid Ahmad Lutfi et. al, 2021. *Jurnal Qiraat*. Aplikasi Qiraat Sebagai Petunjuk Dalam Tafsir Imam Al-Tabari: Kajian Surah Al-Baqarah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bandar Seri Putra, 4300 Kajang Selangor. 2021, VOL 4, Bil 1, Halaman 35-46



Nur Hafizi Yusof, 2015, Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, UNISZA.

Pustaka Darul Iman, 2007, *al-Qur`an dan terjemahan*,: Majma° al-Malik Fahd Wataniah.

Sayyid Lasyin Abu al-Farh 1413H, *Taqrib al-Ma`ani Fi Syarh Hirz al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab`*, Dar al-Zaman.

Sayyid Lasyin Abu al-Farh 1413H, *Taqrib al-Ma`ani Fi Syarh Hirz al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab`*, Dar al-Zaman.

Shamsiah Daud 2023, Kajian Komparatif dalam Surah Yusuf Menurut Tafsir Al-Tabari Dan Tafsir Ibn Kathir, Department of Islamic Studies and Moral Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan

Umi Nuriyatur Rohmah, 2022, Qiraah Dalam Pandangan Ath-Tabari. As-Syifa: Journal of Islamic Studies and History Volume 1, No.1. Januari 2022 e-ISSN: 2963-9395